

LEMBARAN PRODUK PENDEDAHAN

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Wang. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Insurans Wang

1. Apakah produk ini?

Polisi ini akan melindungi anda sekiranya wang dicuri atau dirompak sama ada dari premis anda atau semasa ia sedang dibawa ke atau dari bank.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi: -

Wang Dalam Transit	Kehilangan wang dalam jagaan kakitangan yang dibenarkan semasa dalam perjalanan dari premis anda kepada bank dan / atau sebaliknya
Wang Dalam Premis	Kehilangan wang semasa wang yang disimpan di dalam premis anda
Kerosakan peti besi / bilik kebal	Kos pembaikan dan penggantian peti besi / bilik kebal yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana kecurian atau percubaan mencuri

Dengan bayaran premium tambahan, polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi: -

- Faedah Kemalangan Diri kepada pekerja yang terlibat dalam membawa wang terhadap kematian atau hilang upaya kekal disebabkan oleh rompakan bersenjata atau rompakan
- Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda, jumlah yang diinsuranskan, langkah berjaga-jaga diambil atau jenis perlindungan keselamatan yang dipasang di premis anda untuk mengelakkan kehilangan, dan keperluan pengunderaitan kami

Pengiraan premium untuk perlindungan wang dalam transit adalah berdasarkan Anggaran Pembawaan Tahunan dan Wang Dalam Premis adalah berdasarkan kepada had mana-mana satu kejadian.

4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda kena bayar:

- a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada
 b. Duti Setem

Jumlah

6% daripada premium
 RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan pendedahan:** anda mesti mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian, apa-apa perubahan dalam jenis perniagaan dan lain-lain

Anda mesti pastikan borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans anda.

- **Syarat Sumbangan** - Jika pada masa apa-apa kerugian, terdapat sebarang polisi insurans lain yang melindungi kerugian yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih berbanding perkadaran setimpal bagi kerugian itu.

LEMBARAN PRODUK PENDEDAHAN

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Wang. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

- **Lebihan** - Amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menanggung rugi anda
- **Waranti Premium** – Premim mesti dibayar dan dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda harus mengambil semua langkah-langkah pencegahan yang munasabah bagi mengelak insiden kecurian umpama harta benda anda tidak diinsuranskan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi: -

- kerugian turutan
- sebarang kerugian yang timbul daripada penipuan atau tidak jujur pekerja anda
- kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan
- kerugian daripada kenderaan tanpa pengawasan
- Peperangan, Perang Saudara
- apa-apa tindakan keganasan

NOTA

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa bayaran balik premium akan berdasarkan pada syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya berlaku kerugian?

Anda mesti:-

- a) Laporkan kejadian itu kepada Polis dengan segera dan memberikan kerjasama penuh mencari dan menghukum orang yang bersalah
- b) Memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butiran penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis terhadap tuntutan anda..

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com



MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

LEMBARAN PRODUK PENDEDAHAN

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Wang. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

MPI Generali Insurans Bhd
(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2034 9888
Fax: 03-2694 5758

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Insurans empunya rumah/isi rumah
- Insurans kecurian

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK. ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2010